

Cabaran Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) Semasa Pandemik Covid-19: Satu Kajian Kes Di Daerah Ranau

(Challenges Of Preschool Teachers In Implementing Home Teaching And Learning During Covid-19: A Case Study In Ranau District)

Viona Taipoi^{1*}, Norasmah Othman¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, MALAYSIA

*Pengarang Koresponden: vionataipoi@gmail.com, lin@ukm.edu.my

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.3>

Abstrak: Tugas mengajar secara PdPR sepanjang pandemik covid-19 merupakan satu cabaran yang perlu ditempuhi oleh guru-guru. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah di daerah Ranau, Sabah sepanjang melaksanakan pengajaran semasa pandemik covid-19. Pendekatan kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Pilihan item dalam instrumen soal selidik kajian ini menggunakan lima titik skala likert tiga titik iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Saiz sampel dalam kajian ini melibatkan 64 orang guru prasekolah di daerah Ranau, Sabah. Data yang terkumpul melalui soal selidik akan direkodkan untuk tujuan analisis. Perisian SPSS versi 20 digunakan untuk menganalisis data melalui soal selidik menggunakan statistik min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan guru prasekolah menghadapi cabaran dari aspek pelaksanaan PdPR, cabaran semasa melaksanakan PdPR, cabaran dari aspek kanak-kanak dan cabaran dari aspek ibu bapa. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam kajian ini dapat membantu KPM untuk melihat punca peratus kanak-kanak menguasai kemahiran 4M semasa PdPR adalah rendah.

Kata kunci: Guru Prasekolah, kanak-kanak, cabaran PdPR semasa Pandemik Covid-19

Abstract: The task of teaching by PDPR during the covid-19 pandemic is a challenge that needs to be faced by teachers. This study was conducted to identify the challenges faced by preschool teachers in Ranau district, Sabah throughout the implementation of teaching during the covid-19 pandemic. The approach of this study is quantitative by using survey method. This study used a questionnaire instrument. The selection of items in the questionnaire instrument of this study used a five-point Likert scale namely strongly disagree, disagree, not sure, agree, and strongly agree. The sample size in this study involved 64 preschool teachers in Ranau district. Data collected through questionnaires will be recorded for analysis purposes. SPSS version 20 software was used to analyze data through questionnaires using mean and standard deviation statistics. The results showed that preschool teachers face challenges in terms of the implementation of PDPR, challenges in implementing PDPR, challenges in terms of children and challenges in terms of parents. The challenges faced by preschool teachers in this study can help the Ministry see the cause of the percentage of children mastering 4M skills during PDPR is low.

Keywords: Preschool teachers, children, PDPR challenges during the Covid-19 Pandemic.

1. Pengenalan

Kemunculan penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) telah bermula daripada Wuhan, China dan merebak ke seluruh dunia. Pandemik Covid-19 menyebabkan banyak negara melaksanakan penjarakan sosial. Hal tersebut menyebabkan semua aktiviti yang biasa dilakukan dalam seharian terganggu. Pada bulan April 2020, terdapat 1.5 billion kanak-kanak sehingga remaja di seluruh dunia tidak dapat mengikuti pembelajaran kesan daripada 188 negara menutup sekolah (UNESCO). Negara Malaysia juga terlibat dalam penutupan sekolah untuk mengurangkan jangkitan Covid-19. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mula dilaksanakan di Malaysia pada 16 Mac 2020. Menurut KPM (2020), terdapat 7780 sekolah menengah dan 2440 sekolah rendah yang ditutup. Kesan daripada penutupan tersebut, 208,131 kanak-kanak prasekolah tidak dapat mengikuti pembelajaran secara bersemuka. Pada 27 Mac 2020, KPM telah memberikan arahan kepada semua pendidik untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) (Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah KPM, 2020). Para pendidik diberi pilihan untuk melaksanakan pengajaran secara dalam talian atau luar talian.

Tugas mengajar secara PdPR sepanjang pandemik covid-19 merupakan satu cabaran yang perlu ditempuhi oleh guru-guru. Para guru sentiasa berusaha untuk memperluaskan diri dengan pelbagai kemahiran yang diperlukan agar dapat mengajar secara PdPR walaupun menghadapi banyak cabaran (Nor Asmah dan Muhammad Syawal, 2021). Pada 1 Julai 2020, Menteri Kanan Pendidikan iaitu Dr Radzi Jidin menyatakan dalam kenyataan beliau bahawa PdPR kurang berkesan. Banyak cabaran yang telah dikenalpasti mengenai pelaksanaan PdPR ini. Terdapat banyak kajian yang mengkaji cabaran yang dihadapi oleh guru-guru sepanjang melaksanakan PdPR iaitu (Nilavani dan Khairul, 2021), (Wong *et al.* 2022), (Norehan & Mahaliza, 2021) dan (Simah *et al.* 2021). Kajian Norzi dan Mohd Isa (2021), menghuraikan beberapa cabaran pelaksanaan PdPR seperti; 1) capaian internet yang tidak stabil, 2) kekurangan kemudahan peranti, 3) kurang kemahiran menggunakan peralatan teknologi dan 4) sikap dan motivasi guru. Pada masa kini, pembelajaran jarak jauh merupakan kaedah pembelajaran yang semakin berkembang (Swan, 2020). Sama *et al.* (2021) mencadangkan bahawa kajian berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik covid-19 sangat diperlukan. Kajian yang paling kurang dilaksanakan semasa pandemik covid-19 ialah pendidikan prasekolah (Viner *et al.* 2020). Kesan daripada pandemik covid-19, secara tidak langsung guru dan ibu bapa menghadapi cabaran, masalah dan halangan dalam pelaksanaan PdPR. Penutupan sekolah semasa pandemik menyebabkan ibu bapa menghadapi cabaran untuk menyokong pembelajaran anak-anak secara jarak jauh (Laguna TFS *et al.* 2021). Situasi ini memberi kesan kepada semua peringkat umur tetapi keluarga yang mempunyai anak 0 sehingga 6 tahun dikatakan mengalami cabaran yang lebih sukar kerana perkembangan literasi kanak-kanak bermula pada umur tersebut (Joyce CR *et al.* 2020). Spadafora *et al.* (2021) juga menyatakan bahawa cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran jarak jauh adalah lebih sukar. Oleh itu, kajian mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi guru prasekolah semasa melaksanakan PdPR perlu lebih banyak dilaksanakan untuk memahami situasi yang dihadapi oleh guru-guru prasekolah.

2. Kajian Lepas

2.1 Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) Prasekolah

2.1.1 Definisi PdPR

KPM (2020) mendefinisikan PdPR sebagai pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian atau luar talian secara berstruktur dan terancang. PdPR dilaksanakan apabila murid tidak dapat hadir ke sekolah dalam satu tempoh yang tertentu atas sebab bencana, wabak atau sebab-sebab lain dengan kelulusan pendaftar negeri.

2.1.2 Pendekatan, Kaedah dan Pelaksanaan PdPR Prasekolah

Terdapat tiga pendekatan dalam PdPR iaitu secara dalam talian, luar talian atau luar kawasan sekolah (off-site). Guru diberi kebebasan untuk memilih pendekatan yang sesuai digunakan untuk melaksanakan PdPR. Pendekatan secara talian berlaku apabila terdapat capaian internet dan murid belajar secara masa sebenar. Pembelajaran dalam talian membolehkan murid dapat berinteraksi antara satu dengan lain dengan menggunakan komputer (Shirley Anne, 2019). Salah satu platform yang dibangunkan oleh KPM ialah Portal DELiMa (Digital Educational Learning Initiative Malaysia) pada Julai 2019 untuk digunakan oleh pendidik dan kanak-kanak semasa PdPR. Pengajaran secara dalam talian ini merupakan sesuatu yang baru untuk pendidik. Pelaksanaan PdPR secara dalam talian memerlukan capaian internet yang tinggi dan memberi banyak cabaran terhadap kanak-kanak dan guru (Losius Goliong *et al.* 2020). Salah satu cabaran pelaksanaan PdPR secara dalam talian ialah kanak-kanak tidak dapat akses kepada internet yang mengakibatkan terhasilnya jurang digital. Jurang digital terhasil daripada masalah sosioekonomi (Moreno dan Gortazar, 2020). Isu ini telah ada sebelum pandemik (Fleury, 1991) dan semakin lebih ketara semasa pandemik. Keadaan pembelajaran semasa pandemik dapat dilihat perbezaan dengan keluarga yang mempunyai pendapatan tinggi dan rendah (Bonal dan Gonzales, 2020). Selain itu, Dong *et al.* (2020) menyatakan bahawa keberkesanan pembelajaran dalam talian kanak-kanak bergantung kepada sokongan ibu bapa. Hal ini kerana, kanak-kanak perlu bimbingan ibu bapa untuk terlibat pembelajaran dalam talian (Safitri *et al.*, 2020). Pendekatan secara luar talian dijalankan tanpa capaian internet dan kanak-kanak belajar menggunakan peranti seperti komputer, komputer riba, tablet atau laptop. Pengajaran secara luar talian sesuai digunakan di kawasan yang mempunyai capaian internet yang tidak stabil (Ashraf *et al.* 2020). Norzi dan Mohd Isa mencadangkan bahawa penyediaan modul pembelajaran kepada kanak-kanak perlu dilaksanakan agar tidak ada kanak-kanak tercicir dalam pembelajaran. Kaedah ini juga digunakan di luar negara. Guru-guru yang mengajar di Jawa Tengah, Bandar Kalimantan dan Pedalaman Sumatra menggunakan pendekatan secara luar talian kerana latar belakang keluarga kanak-kanak yang mempunyai sosioekonomi yang rendah. Guru-guru tersebut akan menyediakan bahan belajar dan tugas untuk diambil oleh ibu bapa untuk kanak-kanak belajar di rumah (Kartika dan Amirul, 2021).

2.2 Cabaran yang dihadapi guru prasekolah sepanjang melaksanakan PdPR

Terdapat beberapa aspek cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah sepanjang melaksanakan PdPR. Aspek-aspek tersebut ialah cabaran terhadap kanak-kanak, cabaran terhadap ibu bapa, cabaran penggunaan teknologi dan cabaran dengan diri guru itu sendiri (Norehan dan Mahaliza, 2021). Salah satu cabaran yang dihadapi guru prasekolah dalam aspek kanak-kanak ialah tahap keupayaan kanak-kanak dalam berdikari untuk pembelajaran (Foti, 2020). Kanak-kanak prasekolah masih memerlukan bimbingan ibu bapa berbanding dengan peringkat umur yang lain. Di samping itu, kanak-kanak juga mempunyai cabaran tersendiri seperti mempunyai mood yang berubah-ubah, tidak mahu belajar jika bukan dengan guru mereka sendiri dan mudah bosan semasa di rumah. Orgiles *et al.* (2020) mendapati bahawa 85.7 peratus ibu bapa

melaporkan bahawa terdapat perubahan terhadap keadaan emosi dan tingkah laku kanak-kanak semasa kuarantin. Kajian Dong *et al.* (2020) terhadap ibu bapa di China mendapati bahawa 8.7 peratus ibu bapa tidak bersetuju dengan pengajaran secara jarak jauh untuk peringkat kanak-kanak atas faktor kanak-kanak masih belum dapat berdikari dan juga tidak mendengar arahan ibu bapa di rumah untuk menyiapkan tugas belajar. Kajian di luar negara juga mendapati bahawa cabaran mengajar kanak-kanak secara jarak jauh ialah guru tidak dapat berinteraksi secara nyata dengan kanak-kanak kerana perlu melalui ibu bapa sebagai orang tengah yang menjadi penghubung komunikasi dan segala tugas. Hal ini menyebabkan, faktor ibu bapa merupakan sangat penting dalam keberkesanan pelaksanaan PdPR dalam pendidikan prasekolah (Ramakata dan Sonali, 2020). Cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam aspek ibu bapa pula ialah ibu bapa tidak mempunyai masa untuk membimbing anak di rumah. Ibu bapa yang bekerja tidak dapat memberi komitmen sepenuhnya terhadap PdPR anak-anak (Spadafora *et al.*, 2021). Hal ini kerana, ibu bapa juga mengalami stress semasa pelaksanaan sekatan pergerakan menyebabkan tahap kerisauan dan tekanan psikologi dan kesejahteraan psikologi (Cusinato *et al.*, 2020). Ibu bapa yang berpendapatan rendah berjuang untuk meneruskan kelangsungan hidup dan mempunyai kemungkinan untuk meletakkan pelajaran anak-anak sebagai kurang penting. Selain itu, sosioekonomi ibu bapa juga memberi kesan kepada penglibatan kanak-kanak dalam PdPR (Mohd Fairuz *et al.*, 2020). Masih terdapat keluarga yang tidak dapat menyediakan peranti yang cukup untuk pembelajaran khususnya untuk anak yang ramai (Mohd Norazmi *et al.*, 2021). Kajian Losius *et al.* (2020) di Ranau mendapati bahawa 16 peratus murid tidak mempunyai telefon pintar dan perlu berkongsi dengan adik beradik. Selain itu, guru juga menghadapi beberapa kekangan tersendiri semasa melaksanakan PdPR. Salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru ialah guru perlu melaksanakan pengajaran dari rumah sambil mengajar anak sendiri (Spadafora *et al.*, 2021). Tugas ini dilaksanakan serentak dan memberi tekanan kepada guru-guru (Hamouche, 2020). Selain itu, guru yang lebih berusia berkemungkinan untuk tidak berkemahiran dengan pengajaran secara dalam talian dan teknologi (Johnson *et al.*, 2022). Kajian Veraksa *et al.* (2021) mendapati bahawa guru prasekolah yang sudah senior telah dilatih dengan kaedah tradisional menyebabkan guru-guru tersebut merasakan sukar untuk melaksanakan pengajaran jarak jauh. Seterusnya, guru prasekolah juga mengalami kesukaran untuk membahagikan masa untuk diri sendiri dan masa bekerja disebabkan oleh masa yang banyak digunakan untuk bekerja (Hamouche, 2020).

Penggunaan teknologi merupakan salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh guru-guru, ibu bapa dan murid semasa pelaksanaan PdPR. Cabaran ini dihadapi secara global semasa pandemik covid-19. Negara yang kaya seperti Amerika Syarikat juga terdapat keluarga yang tidak mempunyai sambungan internet (Divine *et al.*, 2020). Situasi di luar negara seperti dalam kajian J.T. Atilas *et al.* (2021) mendapati bahawa 54% guru prasekolah menghadapi masalah capaian internet yang menyebabkan mereka tidak dapat bekerja.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian deskriptif. Kajian ini dibuat secara terperinci tentang cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah semasa melaksanakan PdPR di Daerah Ranau, Sabah. Pendekatan kajian ini adalah kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumat tertentu. Salah satu kaedah yang sesuai untuk mengukur sikap dan amalan semasa ialah kaedah tinjauan (Cohen *et al.* 2013). Selain itu, pendekatan kualitatif juga sesuai digunakan untuk menghadkan skop, masa, peserta dan lokasi kajian agar dapat dilaksanakan secara menyeluruh (Tay & Wong, 2016). Populasi guru pendidikan awal kanak-kanak di Daerah Ranau ialah sebanyak 120 orang (Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, 2021).

Sebanyak 131 borang *Google Doc* dihantar melalui *Whatsapp* dan hanya responden yang menjawab dengan lengkap sahaja dijadikan sampel. Saiz sampel dalam kajian ini ialah 64 orang guru. Saiz tersebut sesuai dengan cara penentuan sampel Krejcie dan Morgan (1970). Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Pilihan item dalam instrumen soal selidik kajian ini menggunakan titik skala likert lima titik iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Soal selidik kajian ini terdiri daripada enam bahagian utama meliputi maklumat am, cabaran pelaksanaan PdPR, cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah semasa melaksanakan PdPR, cabaran yang dihadapi oleh guru untuk aspek kanak-kanak dan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam aspek ibu bapa. Item-item dalam soal selidik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengetahuan guru mengenai pengajaran kaedah fonik terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian yang pertama ialah cabaran pelaksanaan PdPR (item 1 hingga 10), bahagian kedua ialah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah semasa melaksanakan PdPR (item 11 hingga 20), bahagian yang ketiga ialah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam aspek kanak-kanak (item 21 hingga 30) dan bahagian ke empat ialah cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam aspek ibu bapa (item 31 hingga 40). Data yang terkumpul melalui soal selidik akan direkodkan untuk tujuan analisis. Perisian SPSS versi 20 digunakan untuk menganalisis data melalui soal selidik menggunakan statistik min dan sisihan piawai.

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian ini akan membincangkan data yang telah dianalisis pada bahagian analisis data. Cabaran yang akan diuraikan ialah cabaran pelaksanaan PdPR, cabaran yang dihadapi guru prasekolah semasa melaksanakan PdPR, cabaran yang dihadapi guru prasekolah dalam aspek kanak-kanak dan cabaran yang dihadapi guru prasekolah dalam aspek ibu bapa.

4.1 Cabaran Pelaksanaan PdPR

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir kesemua guru prasekolah di daerah Ranau menggunakan aplikasi whatsapp dalam pelaksanaan PdPR. Kajian Goliong *et al.* (2020) mendapati bahawa 58 peratus guru-guru di daerah Ranau mengalami capaian internet yang tidak stabil. Dapatan ini disokong dengan kajian Fadzliyah *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa whatsapp sesuai digunakan untuk pelajar yang mempunyai capaian internet rendah. Seterusnya, guru prasekolah di Daerah Ranau juga lebih suka menggunakan kaedah pengajaran secara luar talian (*offline*) atau tidak serentak (*asynchronous*). Menurut Komang dan Astini (2020), pembelajaran *asynchronous* membolehkan pelajar belajar mengikut jadual yang sudah ditetapkan. Kaedah ini sesuai digunakan untuk di luar bandar. Hal ini kerana terdapat masalah kelajuan internet di kawasan luar bandar. Masalah capaian rangkaian internet sememangnya tidak asing lagi sebagai salah satu cabaran yang dihadapi oleh guru untuk melaksanakan PdPR (Fadzliyah *et al.* 2020). Pembelajaran secara offline di Indonesia dalam dapatan kajian Yulianti (2021) adalah seperti berikut; guru menyediakan bahan belajar untuk kanak-kanak dan ibu bapa datang ke sekolah untuk ambil bahan tersebut. Setelah kanak-kanak selesai menyiapkan tugas, ibu bapa menghantar tugas tersebut kepada guru. Cara ini juga sama di Malaysia iaitu guru menyediakan modul kepada kanak-kanak, ibu bapa akan membantu mengambil modul tersebut dan menghantar semula ke sekolah setelah kanak-kanak selesai menyiapkan modul yang diberi. Cabaran seterusnya ialah, guru tidak yakin melaksanakan pentaksiran secara PdPR. Dapatan kajian ini disokong oleh Hu *et al.* (2021) iaitu guru tidak dapat menilai perkembangan pembelajaran kanak-kanak kerana sistem PdPR tidak memberikan kanak-kanak peluang untuk berinteraksi secara terus dengan guru mereka.

4.2 Cabaran yang Dihadapi Guru Prasekolah Semasa Melaksanakan PdPR

Kajian ini mendapati bahawa hampir kesemua guru prasekolah di Daerah Ranau tidak suka mengajar secara PdPR. Dapatan ini sama dengan kajian Deepika Nambiar (2020) terhadap guru-guru di Bangalore India iaitu 86.7% guru tidak suka pengajaran secara dalam talian dan lebih suka pengajaran secara bersemuka. Guru pendidikan awal kanak-kanak di United States mengalami penurunan tahap kesihatan fizikal dan mengalami stress semasa penutupan sekolah (Swigonski *et al.*, 2021). Guru juga mengalami kerisauan apabila kurang penglibatan daripada kanak-kanak semasa PdPR. Hal ini juga menjadi kerisauan pendidik di US (Crawford *et al.*, 2021). Selain itu, guru mengalami kesukaran apabila perlu mengajar sambil mendidik anak di rumah. Hamouche (2020) menyatakan bahawa guru-guru yang mempunyai anak di rumah mengalami tekanan yang tinggi kerana perlu bekerja dan menjaga anak. Di samping itu, guru di Kanada yang mengajar sambil membimbing anak di rumah mengalami depresi dan tahap kebimbangan yang tinggi berbanding dengan guru yang hanya mengajar sahaja (Spadafora *et al.* 2021). Laguna *et al.* (2021), dalam kajiannya juga mendapati bahawa pendidik di Brazil mengajar di rumah dalam masa yang sama perlu menjadi guru untuk anak mereka. Akhir sekali, cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah ialah guru sentiasa memberi respon kepada ibu bapa yang hantar tugas tanpa mengira masa. Dapatan kajian Johnson *et al.* 2022 menyokong dapatan kajian ini dengan dapatan bahawa mengajar semasa pandemik memerlukan guru menggunakan semua masa yang ada untuk pengajaran jarak jauh dan semua aktiviti tentang pengajaran.

4.3 Cabaran yang Dihadapi Guru Dalam Aspek Kanak-Kanak

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran tertinggi yang dihadapi oleh guru dalam aspek kanak-kanak ialah pembelajaran kanak-kanak bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa. Tahap penglibatan ibu bapa dalam PdPR membantu pembelajaran kanak-kanak (Chifari *et al.* 2021). Irfan dan Iman (2021) berpendapat bahawa tanpa kerjasama ibu bapa, kanak-kanak tidak akan dapat mengikuti pembelajaran. Impak PdPR bergantung sepenuhnya kepada sokongan ibu bapa terhadap kanak-kanak (Ramakata dan Sonali, 2020). Kanak-kanak yang tidak dibimbing oleh ibu bapa akan mengalami cabaran dan ketidakseimbangan dalam pembelajaran mereka (Foti, 2020). Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kanak-kanak cepat bosan semasa belajar di rumah. Julia *et al.* (2021) berpendapat yang sama iaitu kanak-kanak bosan kerana rindu kawan dan guru mereka di sekolah. Kajian Egan *et al.* (2021) mendapati bahawa terdapat 90 peratus ibu bapa bersetuju bahawa kanak-kanak rindu kawan-kawan mereka di sekolah. Cabaran yang terakhir ialah kanak-kanak tidak biasa menyiapkan tugas mengikut jadual yang disediakan. Dapatan kajian ini disokong oleh Radzi Jidin (2020) bahawa kanak-kanak belum dapat menyesuaikan diri dengan pembelajaran norma baru.

4.4 Cabaran yang Dihadapi Oleh Guru Prasekolah Dalam Aspek Ibu Bapa

Cabaran yang pertama ialah ibu bapa tidak dapat membimbing anak di rumah kerana bekerja. Kajian Dong *et al.* (2020) mendapati bahawa majoriti ibu bapa di China menolak PdPR kerana memerlukan tenaga yang banyak untuk membimbing anak-anak. Dapatan kajian yang sama oleh Wong (2020) iaitu terdapat ibu bapa di Kanada yang tidak melibatkan anak mereka dengan PdPR. Hal ini akan menyebabkan ketidakseimbangan dalam pembelajaran kanak-kanak (Foti, 2020). Dapatan kajian seterusnya ialah ibu bapa tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membeli data internet. Kekangan ekonomi menjadi punca PdPR di luar bandar tidak berkesan (Briliannur *et al.* 2020). Selain itu, ibu bapa yang berpendidikan rendah sukar untuk menyediakan akses internet untuk pembelajaran anak (Bansak dan Starr, 2021). Cabaran seterusnya ialah ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan untuk membimbing anak belajar di rumah. Avelino dan Rogero (2020) berpendapat bahawa ibu bapa tidak dapat membimbing PdPR anak kerana tidak mempunyai pengetahuan asas. Seterusnya, dapatan kajian ini ialah ibu

bapa tidak mampu menyediakan peralatan pembelajaran. Dapatan ini selari dengan hasil kajian di Daerah Ranau oleh Losius Goliong *et al.* (2020) yang menyatakan bahawa terdapat 10.1 % kanak-kanak berkongsi kemudahan peranti dengan adik beradik secara bergilir-gilir. Ibu bapa tidak dapat memujuk anak untuk belajar di rumah merupakan salah satu dapatan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam aspek ibu bapa. Kajian Ifat dan Ayu (2020) di Indonesia mendapati bahawa ibu bapa menghadapi kekangan bukan teknikal seperti mood kanak-kanak yang mudah berubah, kanak-kanak cepat bosan, kanak-kanak tidak berminat untuk belajar, kanak-kanak malas belajar dan kanak-kanak mahu belajar bersama guru mereka sahaja. Selain itu, Liu *et al.* (2021) berpendapat bahawa terjadi peningkatan masalah tingkah laku di kalangan kanak-kanak seperti tidak mahu mendengar arahan ibu bapa dan menyukarkan pembelajaran di rumah. Cabaran seterusnya ialah ibu bapa tidak ada kemahiran dalam bidang teknologi. Dapatan ini disokong oleh Carcausto *et al.* (2021) yang menyatakan majoriti ibu bapa tidak tahu menggunakan teknologi.

5. Rumusan

Secara kesimpulannya, terdapat banyak cabaran guru dalam aspek pelaksanaan PdPR, semasa melaksanakan PdPR, aspek kanak-kanak dan aspek ibu bapa. Kesemua cabaran-cabaran ini merupakan penyumbang kepada tahap penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran asas. Sekiranya cabaran-cabaran tersebut berjaya diatasi, maka pembelajaran kanak-kanak akan lebih baik dan akan menghasilkan murid yang berdaya maju dalam pembelajaran. Guru-guru perlu mengambil langkah proaktif untuk menghadapi cabaran sepanjang melaksanakan PdPR. Semua pihak iaitu guru prasekolah, ibu bapa dan kanak-kanak perlu saling membantu agar pelaksanaan PdPR dapat berjalan dengan lancar

Rujukan

- Ashraf Ismail, Khazri Osman & Nurul Huda Hassan. 2020. Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19 110–116.
- Atilas, J. T., Almodóvar, M., Chavarría Vargas, A., Dias, M. J., & Zúñiga León, I. M. (2021). International responses to COVID-19: challenges faced by early childhood professionals. *European Early Childhood Education Research Journal*, 29(1), 66-78.
- Avelino WF, Mendes JM. A realidade na educação brasileira a partir da Covid-19. *BolConjunt.*2020; 2 (5): 56- 62.
- Baert, S., Lippens, L., Moens, E., Sterkens, P., & Weytjens, J. (2020). The Covid-19 crisis and telework: A research survey on experiences, expectations and hopes. *IZA Discussion Paper*, 13229, 1–37. Retrieved from https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3596696
- Bansak, C., & Starr, M. (2021). Covid-19 shocks to education supply: How 200,000 US households dealt with the sudden shift to distance learning. *Review of Economics of the Household*, 19(1), 63–90. <https://doi.org/10.1007/s11150-020-09540-9>
- Bonal X, González S. Confinamiento y efectoescuela. Catalunya, Espanha. [Internet]. 2020
- Carcausto, W., Morales, J., Cucho-Leyva, M. P., Alcas-Zapata, N., & Villena-Guerrero, M. P. (2021). Distance Teaching-Learning Experience in Early Childhood Education Teachers During the Coronavirus Pandemic. *Advances in Science, Technology and Engineering Systems*, 269-274. astesj.com/publications/ASTESJ_060131.pdf

- semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA*, 11, 46-57.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Chifari, A., Allegra, M., Benigno, V., Caruso, G., Fulantelli, G., Gentile, M., & Ferlino, L. (2021). Distance Learning During the First Lockdown: Impact on the Family and Its Effect on Students' Engagement. *Frontiers in psychology*, 12, 762213-762213.
- Cohen, J. (2013). *Statistical power analysis for the behavioral sciences*. Academic press.
- Crawford, A., Vaughn, K. A., Guttentag, C. L., Varghese, C., Oh, Y., & Zucker, T. A. (2021). "Doing What I can, but I got no Magic Wand:" A snapshot of early childhood educator experiences and efforts to ensure quality during the COVID-19 pandemic. *Early Childhood Education Journal*, 49, 829–840.
<https://doi.org/10.1007/s10643-021-01215-z>
- Cusinato, M.; Iannattone, S.; Spoto, A.; Poli, M.; Moretti, C.; Gatta, M.; Miscioscia, M. Stress, Resilience, and Well-being of Parents and Children during the COVID-19 Pandemic. *Int. J. Environ. Res. Public Health* 2020, 17, 8297.
- Devine, N., Stewart, G., & Benade, L. (2020). Access denied: Academic life under lockdown. *New Zealand Journal of Educational Studies*. <https://doi.org/10.1007/s40841-020-00170-4>
- Dong, C., Cao, S., & Li, H. (2020). Young children's online learning during COVID-19 pandemic: Chinese parents' beliefs and attitudes. *Children and youth services review*, 118, 105440.
- Dwi Briliannur C., Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. (2020). Analisis keefektifan pembelajaran online di masa pandemik COVID-19. *Mahaguru: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 11(2), 28-37
- Egan, S. M., Pope, J., Moloney, M., Hoyne, C., & Beatty, C. (2021). Missing Early Education and Care During the Pandemic: The Socio-Emotional Impact of the COVID-19 Crisis on Young Children. *Early Childhood Education Journal*, 1-10.
- Fadzliyah Hashim, Farah farhana Rosli, Fatahiyah Elias, Mohd Radzi Lebai Mat & Che Nazrah Mohd Yusof. 2020. Islamic Education and Its Impact 3(4): 158–169.
- Fleury, MT. Mattos, MIL de. Sistemas educacionais comparados. *Estud Av.* 1991; 5 (12): 69-89.
- Foti, P. (2020). Research in distance learning in Greek kindergarten schools during the pandemic of COVID-19: Possibilities, dilemmas, limitations. *European Journal of Open Education and E-Learning Studies*. <https://doi.org/10.5281/zenodo.3839063>
- Goliong, L., Kasin, A., Johnny, M. & Yulip, N.G. 2020. Cabaran Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Jarak Jauh (PDPCJJ) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan(PKP) 1–15.
- Hamouche, S. (2020). COVID-19 and employees' mental health: stressors, moderators and agenda for organizational actions. *Emerald Open Research*, 2(15), 1-15.
<https://doi.org/10.35241/emeraldopensres.13550.1>
- Hu, X., Chiu, M. M., Leung, W. M. V., & Yelland, N. (2021). Technology integration for young children during CO
- Ifat Fatimah Zahro and Ayu Rissa Atikah. 2020. Parents' Perceptions of Early Childhood Education Learning in the COVID-19 Pandemic Period. In *Proceedings of the 4th International Conference on Learning Innovation and Quality Education (ICLIQE 2020)*. Association for Computing Machinery, New York, NY, USA, Article 56, 1–6.
<https://doi.org/10.1145/3452144.3452199>

- Irfan Fauzi & Iman Hermawan Sastra Khusuma. (2020). Teacher's elementary school in online learning of COVID-19 pandemic conditions. *Jurnal Iqra': Kajian Ilmu Pendidikan*. 5(11), pp.58-70
- Johnson, A. D., Schochet, O. N., Castle, S., Horm, D., & Phillips, D. A. (2022). Predictors of First-Grade Teachers' Teaching-Related Time During COVID-19. *AERA Open*, 8, 23328584211067798.
- Joyce CR, Moreira MM, Rocha SSD. Distance Education or Emergency Remote Educational Activity: in search of the missing link of school education in times of COVID-19. *Res Soc Dev*. 2020; 9 (7): e521974299
- Julia T. Atilas, Mayra Almodóvar, Aleida Chavarría Vargas, Maria J. A. Dias & Irma M. Zúñiga León (2021) International responses to COVID-19: challenges faced by early childhood professionals, *European Early Childhood Education Research Journal*, 29:1, 66-78, DOI: 10.1080/1350293X.2021.1872674
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2020. Manual PdP Di Rumah. Dicapai di <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-PdP-di-rumah/3727-manual-PdPdr/file>(10April 2021)
- Komang, N. & Astini, S. 2020. Tantangan Dan Peluang Pemanfaatan Teknologi Informasi Dalam Pembelajaran Online Masa Covid-19 3(2): 241–255.
- Krejcie, Robert V. & Morgan Daryle W. (1970). Determining Sample Sizes for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610.
- Laguna, T. F. D. S., Hermanns, T., Silva, A. C. P. D., Rodrigues, L. N., & Abaid, J. L. W. (2021). Remote education: parents' challenges in teaching during the pandemic. *Revista Brasileira de Saúde Materno Infantil*, 21, 393-401.
- Liu, Q., Zhou, Y., Xie, X., Xue, Q., Zhu, K., Wan, Z., Hao, W., Zhang, J., & Song, R. (2021). The prevalence of behavioral problems among school-aged children in home quarantine during the COVID-19 pandemic in china. *Journal of Affective Disorders*, 279, 412–416. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2020.10.008>
- Mohd Fairuz Jafar, Hapini Awang & Mat Rahimi Yusof. 2020. Kesediaan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Pandemik COVID 19 (October)
- Mohd Norazmi bin Nordin, Faiza Iqbal & Ruqia (2021). Challenges Of Parents In The Implementation
- Mohd Radzi. (2020). Cari kaedah terbaik untuk pelajar. *Berita Harian* 11 Mac 2020.
- Moreno JM, Gortázar L. Schools' readiness for digital learning in the eyes of principals. An analysis from PISA 2018 and its implications for the COVID19 (Coronavirus) crisis response. *Education for Global Development*. [Internet]. 2020 [cited 2020 May 10]. Available from: <https://blogs.worldbank.org/education/schools-readinessdigital-learning-eyes-principals-analysis-pisa-2018-and-its>
- Nilavani A/P Mahalingam & Khairul Azhar Jamaludin. (2021). Impak Dan Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Atas Talian Semasa Perintah kawalan Pergerakan. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X/Vol. 3, NO 4, 104-115, 2021.
- Nor Asmah Abdullah & Muhammad Syawal Amran. 2021. Perspektif Guru Terhadap Penglibatan Murid dalam Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian Semasa Pandemik Covid-19 di Malaysia [Teacher Perspective of Student Involment in Online Teaching and Learning during The Covid-19 Pandemic in Malaysia]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 1(4), 32-39.
- Norehan Moh Nasir dan Mahaliza Mansor. (2021). Cabaran Guru dalam Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR): Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSJ)*, Vol. 6(7): 416-421

- Norzi Mohd Yusoff & Mohd Isa Hamzah. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran dalam pengajaran guru Pendidikan Islam dan pembelajaran murid prasekolah [Covid pandemic 19: Challenges in the teaching of Islamic Education teachers and the learning of preschool students]. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 1(3), 160-169.
- Orgilés, M.; Morales, A.; DelVecchio, E.; Mazzeschi, C.; Espada, J.P. Immediate Psychological Effects of the COVID-19 Quarantine in Youth from Italy and Spain. *Front. Psychol.* **2020**, *11*, 579038.
- Ramakanta Mohalik & Sonali Suparna Sahoo, (2020). E-Readiness and Perception of Student Teachers' Towards Online Learning in the Midst of COVID-19 Pandemic. Available at SSRN 3666914.
- Sama, B.K.; Kaur, P.; Thind, P.S.; Verma, M.K.; Kaur, M.; Singh, D.D. Implications of COVID-19-induced nationwide lockdown on children's behaviour in Punjab, India. *Child Care Health Dev.* **2021**, *47*, 128–135.
- Safitri, A. M., Mustiningsih, Timan, A., Dwi Kurnianing Ratri, G. F., Argadinata, H., & Fahmi, A. K. 2020. Curriculum management strategies as efforts to improve the effectiveness of early childhood learning during the COVID-19 pandemic (2020). ^{1st} *International Conference On Information Technology And Education (ICITE 2020)*. Indonesia: Universitas Negeri Malang. Pp. 326–331
- Shirley Anne. S. Paul. A. S., Hart, P., Augustin, L., Clarke, P. J., & Pike, M. (2020). Parents' perspectives on home-based character education activities. *Journal of Family Studies*, 1-23.
- Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Azni Yati Kamaruddin, Intan Marfarrina Omar & Nor Asiah Ismail. 2021. Covid-19: Cabaran dan Inisiatif dalam Mendepani Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Teradun.
- Spadafora, N., Reid-Westoby, C., Pottruff, M., & Janus, M. (2021). Family responsibilities and mental health of kindergarten educators during the first COVID-19 pandemic lockdown in Ontario, Canada.
- Spadafora, N., Reid-Westoby, C., Pottruff, M., Wang, J., & Janus, M. (2022). From full day learning to 30 minutes a day: A descriptive study of early learning during the first COVID-19 pandemic school shutdown in Ontario. *Early childhood education journal*, 1-13.
- Swan, K. Teaching and Learning in Post-Industrial Distance Education. In *An Introduction to Distance Education*; Routledge: London, UK, 2020; pp. 67–89.
- Swigonski, N. L., James, B., Wynns, W., & Casavan, K. (2021). Physical, mental, and financial stress impacts of COVID-19 on early childhood educators. *Early Childhood Education Journal*, 49(5), 799–806.
- UNESCO Educational Sector. 2020, April. "Distance Learning Strategies in Response to COVID-19 School Closures." UNESCO COVID-19 Education Response, Education Sector Issue Note n 2.1.
- UNESCO. 2020. Data for the sustainable goals: Trinidad and Tobago. <http://uis.unesco.org/country/TT>
- Veraksa A, Singh P, Gavrilova M, Jain N, Veraksa N. Russian and Indian Preschool Educators' Beliefs about Distance Education for Preschoolers. *Education Sciences*. 2021; 11(12):814. <https://doi.org/10.3390/educsci11120814>
- Viner, R. M., Russell, S. J., Croker, H., Packer, J., Ward, J., Stansfield, C., ... & Booy, R. (2020). School closure and management practices during coronavirus outbreaks including COVID-19: a rapid systematic review. *The Lancet Child & Adolescent Health*, 4(5), 397-4

- Wong, J. (2020). Frustrated parents pivot from ofcial distance learning program amid COVID-19|CBC News. CBC. Retrieved May 11, 2022, from <https://www.cbc.ca/news/canada/toronto/parentsopt-out-distance-learning-1.5548215>
- Yulianti, K., & Mukminin, A. (2021). Teaching and learning during COVID-19 pandemic: A qualitative study on elementary school teachers in Indonesia. *The Qualitative Report*, 26(12), 3900-3910.
- Zuriani Hanim Zaini, Zaleha Damanhuri, Mohamad Arif Zaki Ali & Ahmad Zulfandi Ibrahim. 2021. Kesiediaan Ibu Bapa Terhadap Penglibatan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR). *Jurnal Kesidang* Volume 6 2021: 80-